



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JTW 212/JTW 213 – Perakaunan Pengurusan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

**SOALAN 1 (25 markah)**

(a) Jelaskan perbezaan antara **pengekosan sebenar** dan **pengekosan proses** dalam lima aspek berikut:

- (i) keseragaman produk
- (ii) kaedah pengumpulan kos
- (iii) dokumen yang digunakan untuk kawalan kos
- (iv) pergerakan proses pengeluaran
- (v) satu contoh produk

(9 markah)

(b) Sediakan catatan jurnal untuk semua aktiviti berikut yang berlaku secara berturutan.

- (i) Pada 30 Mei 20XX, kos-kos pengeluaran berikut dicatatkan di Jabatan Pemasangan: bahan mentah langsung RM55,000; gaji buruh RM62,000 dan overhed pengeluaran RM38,000. Output Jabatan Pemasangan akan dihantar ke Jabatan Pengemasan.
- (ii) Pada 1 Jun 20XX, sejumlah RM125,000 nilai Kerja Dalam Proses dari Jabatan Pemasangan dipindahkan ke Jabatan Pengemasan.
- (iii) Pada 10 Jun 20XX, overhed pengeluaran yang dicatatkan di Jabatan Pengemasan ialah RM14,000. Tiada kos lain dilibatkan.

(16 markah)

**SOALAN 2 (25 markah)**

(a) Berdasarkan maklumat berikut, sediakan belanjawan overhed dan belanjawan tunai untuk **tiga bulan pertama**.

| Perkara                    | Maklumat   |
|----------------------------|--|
| Jumlah jam buruh           | 800 jam setiap bulan, kecuali bulan ke-2 sebanyak 1000 jam                           |
| Kadar overhed sejam        | RM8 sejam  |
| Jumlah overhed tetap       | RM10,000 setiap bulan  |
| Baki awal tunai            | RM82,000   |
| Jualan tunai               | RM55,000 sebulan kecuali peningkatan 5% untuk bulan ke-3 berbanding bulan sebelumnya |
| Perbelanjaan tunai sebulan | RM32,000 (termasuk overhed)  |

(15 markah)

...3/-

- (b) Berdasarkan maklumat berikut, sediakan belanjawan buruh langsung untuk **tiga bulan pertama**.

| Perkara          | Maklumat  |
|------------------|---|
| Unit pengeluaran | 5,000 unit pada bulan pertama. Peningkatan 5 peratus pada setiap bulan berbanding bulan sebelumnya. |
| Jam buruh seunit | 15 minit/seunit   |
| Kos upah buruh   | RM12 sejam  |

(10 markah)

**SOALAN 3 (25 markah)**

- (a) Pilih kombinasi jualan yang paling menguntungkan.

| Produk | Harga Jualan (RM) | Kos Berubah (RM) | Jumlah Kos Tetap (RM) |
|--------|-------------------|------------------|-----------------------|
| A      | 250               | 80               | 6000                  |
| B      | 200               | 70               |                       |
| C      | 150               | 50               |                       |

Kombinasi 1: 40% produk A; 50% produk B dan 10% produk C

Kombinasi 2: 55% produk A; 40% produk B dan 5% produk C

(15 markah)

- (b) Syarikat Pakaian Alaf menghasilkan sendiri kotak untuk memuatkan pakaian yang dikilangkan. Maklumat pengeluaran untuk 7,000 unit kotak adalah seperti jadual berikut:


| Item                              | Jumlah kos (RM) | Kos seunit (RM) |
|-----------------------------------|-----------------|-----------------|
| Kos berubah                       | 7,000           | 1.00            |
| Kos tetap untuk pengeluaran kotak | 20,000          |                 |

Syarikat Kotaksegi menawarkan kepada Syarikat Pakaian Alaf untuk membekalkan kotak mengikut spesifikasi sedia ada pada harga RM1.10. Kos tetap yang ditanggung dapat dielakkan jika pengeluaran kotak dihentikan.

Cadangkan keputusan untuk tawaran tersebut.

(10 markah)

...4/-

**SOALAN 4 (25 markah)**

Sumber: <http://www.isixsigma.com/>

Berdasarkan rajah di atas, jawab soalan berikut:

(a) Huraikan setiap kos kualiti berikut:

- (i) kos kegagalan dalaman
- (ii) kos kegagalan luaran
- (iii) kos pemeriksaan
- (iv) kos pencegahan

(12 markah)

(b) Berikan **DUA (2)** contoh bagi setiap jenis kos kualiti yang dihuraikan dalam jawapan (a).

(8 markah)

(c) Bincangkan strategi untuk mengurangkan kos kegagalan dalaman dan kos kegagalan luaran.

(5 markah)